

SEKOLAH KEBANGSAAN TEMIANG, MUAR

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

2024/2025

BAHASA MELAYU TAHUN 4

NAMA: _____

TAHUN: _____

Bahagian A

[10 markah]


Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1 Pasar tani itu bermula pada pukul 7:00 pagi _____ 12:00 tengah hari.

- A** lalu
- B** atau
- C** hingga
- D** apabila

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah



Menara _____ di Teluk Intan merupakan mercu tanda bagi negeri Perak.

- A** senget
- B** goyang
- C** condong
- D** tumbang

3 *Pilih ayat yang betul.*

- A** Pasu bunga itu diperbuat daripada siapa?

- B Basikal yang berwarna biru itu milik siapa?
- C Songkok hitam yang cantik itu harganya siapa?
- D Nama anak kucing kesayangan adik kamu itu siapa?

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah, kemudian jawab **soalan-soalan** yang berikutnya.

Pulau Langkawi terkenal kerana keindahan alam sekitarnya. Makam Mahsuri, Pantai Cenang, Air Terjun Telaga Tujuh, Underwater World Langkawi dan Kereta Kabel Langkawi (*SkyCab*) merupakan antara tempat menarik yang boleh dikunjungi.

Keindahan pulau dan pantai yang bersih dapat memberi ketenangan kepada pengunjung. Mereka dapat menikmati percutian yang sempurna dan menyeronokkan. Selain menjimatkan wang serta masa, budaya dan warisan negara dapat dikenali oleh segenap lapisan masyarakat.

4 Mengapakah Pulau Langkawi terkenal?

- A Pantai yang bersih.
- B Merupakan warisan negara
- C Mempunyai Telaga Tujuh.
- D Keindahan alam sekitarnya.

5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

- A Menjimatkan percutian.
- B Pantai Cenang merupakan warisan negara.
- C Kereta Kabel Langkawi boleh dikunjungi pelancong.
- D Pelancong dapat dikenali oleh segenap lapisan masyarakat.

6 Berikut merupakan tempat menarik di Langkawi yang boleh dikunjungi *kecuali*

- A Pulau Mahsuri.
- B Kereta Kabel Langkawi.
- C Air Terjun Telaga Tujuh.
- D Underwater World Langkawi.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan **teliti**, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1:

Sara dan kakaknya berpeluang mengunjungi Program Kempen Kesihatan Tahun 2024 yang diadakan di dataran arena sekolah mereka. Terdapat pelbagai *aktiviti* yang boleh disertai seperti derma darah, pemeriksaan kesihatan, pertandingan melukis dan mewarna poster.

Sara sempat melakukan pemeriksaan gigi. Dia berasa seronok sekali dengan layanan jururawat yang merawatnya. Kaunter pemeriksaan mata juga disediakan kepada pengunjung. Pelbagai maklumat tentang penyakit berbahaya turut dipamerkan seperti Influenza, penyakit jantung, darah tinggi, diabetes, dan sebagainya.

BAHAN 2:



KEMPEN KESIHATAN 2024



Aktiviti Senamrobik
Pemeriksaan gigi
Pemeriksaan mata

Kaunseling pemakanan
Pameran Pemakanan Sihat
Ceramah dan maklumat kesihatan

MASA: 8:30 pagi hingga 5:00 petang	DATANGLAH BERAMAI-RAMAI Tarikh: 24 Julai 2024 (Sabtu) Tempat: Klinik Desa Kampung Durian Sebatang
--	--

7 Terdapat pelbagai aktiviti semasa Program Kesihatan Tahun 2024 seperti

- A merawat diabetes.
- B pemeriksaan gigi.
- C menderma darah.
- D kaunseling pemakanan sihat.

8 Dia berasa seronok sekali dengan layanan jururawat yang merawatnya.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A buah.
- B orang.
- C ekor.
- D biji.

9 Perkataan *aktiviti* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A kegiatan.
- B pameran.
- C pertandingan.
- D pemeriksaan.

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A** Sara melakukan pemeriksaan gigi di sekolahnya.
- B** Pengunjung dapat menyertai aktiviti senamrobik di sekolah.
- C** Pameran Kempen Kesihatan 2024 diadakan di Kampung Durian Sebatang.
- D** Sara dan kakaknya berkunjung ke Kempen Kesihatan 2024 pada pukul 8.30 pagi.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan 1

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab **soalan-soalan** yang berikutnya.*

Si Oyen merupakan seekor kucing yang comel sangat. Si Oyen ialah kucing kesayangan Farah. Setiap hari, Farah akan bermain dengan Si Oyen untuk mengisi masa lapangnya.

Farah sentiasa mengambil berat dan menjaga kesihatan Si Oyen. Farah akan membawa Si Oyen ke klinik haiwan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan. Kawan-kawan Farah juga selalu berkunjung ke rumahnya untuk bermain-main dengan Si Oyen.

- (a) Kucing yang menjadi kesayangan Farah bernama _____.

[1 markah]

(b) Bagaimanakah Farah meluangkan masa lapangnya setiap hari?

[2 markah]

(c) Gariskan **kata kerja berimbuhan awalan** yang **betul** dalam ayat di bawah ini.

Farah akan membawa Si Oyen ke klinik haiwan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan.

[1 markah]

(d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Si Oyen ialah kucing kesayangan Farah.

Farah ialah kucing kesayangan Si Oyen.	
--	--

Kucing kesayangan Farah ialah Si Oyen.	
--	--

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan **pendapat kamu** berdasarkan situasi dan maklumat tersebut.

Tulis jawapan kamu dalam **bentuk perenggan** dengan menggunakan **ayat yang lengkap**.

Panjang jawapan kamu hendaklah **tidak melebihi daripada 30 patah perkataan**.

Ani pergi ke sekolah bersama-sama abangnya. Mereka melalui jalan raya yang agak sibuk. Mereka juga ternampak seorang lelaki tua yang hendak melintas jalan raya.



2. Berdasarkan situasi di atas, apakah **tindakan** yang patut mereka lakukan?

[5 markah]


Bahagian C
[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang cara-cara mengisi masa lapang.

*Tuliskan **pendapat kamu** tentang **cara-cara mengisi masa lapang**.*

*Jawapan kamu itu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.*

*Panjang jawapan kamu hendaklah **tidak melebihi daripada 50 patah perkataan**.*




Bahagian D
[20 *markah*]

Teliti bahan grafik di bawah ini.

Kemudian tulis sebuah karangan.

*Panjang karangan kamu itu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan.***



[20 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Disediakan oleh,

.....
**(NURUL FATIAH BINTI
MUSTAFA)**

Guru Bahasa Melayu,
SK Temiang.

Disahkan oleh,

.....
(NORSALIHIN BIN ISMAIL)

Guru Besar,
SK Temiang.

SK Temiang.